

→ PRASARANA

Kad konsesi jimat tambang mahasiswa

→ Potongan 50 peratus galak guna pengangkutan awam

Oleh Mohd Aizat Shamsuddin
mohdaizat@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Penggunaan kad konsesi membantu mahasiswa berjimat setiap kali menggunakan pengangkutan awam, sekali gus membolehkan mereka menyusun kepentingan berdasarkan kemampuan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata kemudahan itu membolehkan mereka menikmati diskaun 50 peratus ke atas kadar tunai bagi setiap perjalanan menggunakan Bas RapidKL, Bas Rapid Transit

(BRT), Transit Aliran Ringan (LRT), Monorel dan Transit Aliran Massa (MRT).

“Diskaun ini dapat mengurangkan kebergantungan pelajar kepada penggunaan kenderaan persendirian.

Ringankan beban

“Pada masa sama, ia turut meningkatkan kehidupan mesra alam dalam kalangan orang ramai,” katanya pada sidang media selepas menyerahkan kad konsesi kepada mahasiswa di Stesen MRT Stadium Kajang, semalam.

Terdahulu, Idris bersama kira-kira 200 mahasiswa universiti, politeknik dan kolej komuniti sekitar Lembah Klang menyertai Program



Idris selepas menyerahkan kad konsesi kepada pelajar pada program jelajah dari MRT Tun Razak Exchange hingga Stesen MRT Stadium Kajang, semalam.



Diskaun ini dapat mengurangkan kebergantungan pelajar kepada penggunaan kenderaan persendirian”

Idris Jusoh,
Menteri Pendidikan Tinggi

Jelajah MRT.

Program dianjurkan Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) itu bermula dari MRT Tun Razak Exchange (TRX) hingga Stesen MRT Stadium Kajang.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPT, Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur dan Ketua Pegawai Operasi Stesen Sungai Buloh-Kajang (SBK), Mohammad Isom Azis.

Idris berkata, program yang memberi tumpuan terhadap kepentingan rakyat itu memberi peluang kepada mahasiswa menikmati infrastruktur bertaraf dunia disediakan kerajaan.

“Program ini adalah platform menggalakkan mahasiswa menggunakan kemudahan pengangkutan awam. Pada masa sama, ia turut meningkatkan kesedaran terhadap perkhidmatan pengangkutan disediakan.

“Negara memiliki kemudahan bertaraf dunia seperti MRT dan beberapa perancangan jangka panjang seperti Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) serta Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) demi manfaat masa depan.

“Kita berbangga kerana mahasiswa turut berperanan secara langsung dalam pembinaan dan pengoperasian infrastruktur ini, sekali gus membuktikan kehebatan generasi muda,” katanya.

[FOTO BERNAMA]